

06 FEBRUARI 2018

## Penuntut IKM bawa ketum ditahan

18 NEGARA

KOSMO! SELASA 6 FEBRUARI 2018

Niat mahu proses, jual air ketum di kampus tidak kesampaian

# Penuntut IKM bawa ketum ditahan

Oleh MUHAMAD TARMIZE  
MOHD. NOR

**SERI ISKANDAR** - Niat jahat seorang penuntut Institut Kemahiran Mara (IKM) untuk memulakan aktiviti memproses dan menjual air ketum di kawasan kampusnya di Lumut dekat sini tidak kesampaian apabila dia dan rakanrannya ditahan di Kilometer 29, Lebuhraya Ipoh-Lumut di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 2.30 pagi itu, kedua-dua suspek

masing-masing berusia 20 dan 23 tahun yang menaiki sebuah kereta Perodua Myvi tersebut diberkas dalam satu sekatan jalan raya selepas dilihat dalam keadaan mencurigakan.



MOHAMAD ZAINAL

Ketua Polis Daerah Perak Tengah, Superintendan Mohamad Zainal Abdullah berkata, polis kemudiannya membuat pemeriksaan terhadap mereka yang disyaki penagih dadah.

Menurutnya, rakan penuntut IKM terbabit merupakan pekerja di sebuah stesen min-

yak

"Pada mulanya, pemeriksaan terhadap kedua-dua mereka tidak menjumpai sebarang barangan yang menyalahi undang-undang.

"Selepas pemeriksaan dilakukan secara terperinci, anggota polis menemui satu gundi mengandungi daun ketum seberat satu kilogram di bahagian tempat simpanan barang di belakang kereta tersebut," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Mohamad Zainal memberitahu, siasatan lanjut mendapati daun ketum tersebut akan diproses sebelum dijual di kawasan kampus tempat mereka belajar di Lumut.



POLIS menyita kereta Perodua Myvi yang dipandu pelajar kolej untuk membawa daun ketum selepas ditahan di Kilometer 29, Lebuhraya Ipoh-Lumut di Seri Iskandar semalam.